

## **Lingua Franca Di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa**

Mohammed Azlan Mis  
[azlan\\_ukm@yahoo.com.my](mailto:azlan_ukm@yahoo.com.my)  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstrak**

Pola pilihan bahasa yang digunakan antara suku kaum di Sarawak merupakan bahasa perhubungan utama atau lebih dikenali sebagai *lingua franca*. Yang dimaksudkan dengan *lingua franca* dalam kajian ini adalah bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi di antara penutur yang bahasa pertama mereka berbeza satu sama lain bersandarkan teori pilihan bahasa. Bahasa untuk berkomunikasi ini biasanya adalah bahasa yang paling banyak dan kerap digunakan dalam kehidupan seharian. Di negeri Sarawak terdapat pelbagai suku kaum yang menggunakan bahasanya sendiri. Pada masa yang sama, mereka juga menggunakan bahasa perhubungan yang menjadi milik bersama, difahami, sesuai dan tidak menimbulkan masalah komunikasi. Di negeri Sarawak, bahasa yang paling ramai penuturnya ialah bahasa Iban. Secara khususnya, artikel ini merupakan kajian tinjauan di lapangan yang menggunakan borang soal selidik dan temu bual tidak formal. Hasil kajian menunjukkan pola bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak dipilih sebagai bahasa perhubungan yang utama di Sarikei, Sarawak. Bahasa Iban digunakan dalam situasi tidak formal sementara dialek Melayu Sarawak dalam situasi formal.

**Katakunci:** *lingua franca*, pilihan bahasa, suku kaum, dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban.

## **Lingua Franca In Sarawak: The Application Of Language Choice Theory**

### **Abstract**

The language choice of these ethnic groups in communicating between one another represents the language of communication also known as the *lingua franca*. *Lingua franca* in this study refers to a language used to communicate between speakers with different native languages. The language of communication is usually the language often used in everyday life based on language choice theory. In the state of Sarawak, there are many ethnic groups with their own native languages. However, at the same time, they also use a common language of communication which is appropriate, comprehensible and does not raise communication problems. In Sarawak, the language with the highest number of speakers is the Iban language. This is based on the distribution of population in the said state. This research includes a field survey which employs questionnaires and informal interviews. The findings of this research illustrate that the Iban language and Sarawak

Malay dialect are chosen as the lingua franca in Sarikei, Sarawak. Iban is used in informal settings while Sarawak Malay is used in formal ones.

**Keywords:** lingua franca, language choice, ethnic groups, Sarawak Malay dialect, Iban language.

## **Pengenalan**

Di negeri Sarawak terdapat suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau tinggal dan menjalankan kehidupan sehari-hari bersama sejak dari zaman dahulu lagi. Semua suku kaum di Sarawak ini sentiasa berhubung dan bersama di dalam apa-apa juga urusan sehari-hari terutamanya dalam aspek pilihan bahasa yang digunakan tanpa berlaku masalah yang boleh menjejaskan hubungan antara mereka.

Di negeri Sarawak, kita tidak boleh hanya melihat penggunaan bahasa Melayu di antara suku kaum yang berbeza ini. Tidak dinafikan bahawa bahasa Melayu di negeri Sarawak masih digunakan dengan meluas terutamanya dalam urusan rasmi seperti di pejabat kerajaan dan pendidikan di sekolah, tetapi sekiranya bahasa Melayu juga adalah bahasa komunikasi dalam perhubungan harian antara suku kaum, ianya perlu diteliti dengan mendalam (Asmah, 1985).

Dalam masyarakat yang anggotanya terdiri daripada pelbagai suku kaum seperti di negeri Sarawak, komunikasi harian mereka adalah kompleks. Semakin luas dan kompleks aktiviti sesebuah masyarakat, semakin rumit pilihan bahasa mereka (Dewa dan Muhammad, 2006). Masyarakat yang kompleks ini telah membawa kepada kebarangkalian untuk masyarakat tersebut memilih satu atau beberapa bahasa perhubungan apabila berhubung dengan suku kaum yang lain.

Peranan bahasa perhubungan atau lebih dikenali sebagai *lingua franca* sangat penting terutamanya dalam satu masyarakat yang pelbagai suku kaum atau etnik (penduduk yang menuturkan bahasa pertama yang berbeza antara satu sama lain) (Hassan, 2009). Oleh yang demikian, bahasa perhubungan atau *lingua franca* di negeri Sarawak merupakan bahasa yang dipilih untuk berhubung antara satu sama lain tanpa menimbulkan masalah kefahaman dan perkauman.

## **Lingua Franca**

Banyak kawasan di dunia didiami oleh penduduk yang menuturkan bahasa yang berbeza satu sama lain. Untuk penduduk ini berhubung sesama mereka, sama ada untuk tujuan sosial ataupun perdagangan, bahasa yang digunakan sebagai *lingua franca* merupakan bahasa yang telah dipersetujui dan difahami bersama (Muhammad, 2001).

Istilah *lingua franca* berasal daripada nama salah satu masyarakat Jerman Kuno yang tinggal di sekitar Sungai Rhine, terutama di bahagian selatan Perancis. Bahasa ini digunakan di bahagian timur wilayah Mediterranean, terutama di pelabuhan pada Zaman

Pertengahan sekitar tahun masihi 1000 sehingga abad ke-15, oleh pedagang dan tentera perang Salib (Akmaijian et al., 1995). Bahasa ini merupakan campuran daripada bahasa-bahasa Itali, Sepanyol, Perancis, Arab, Parsi, Yunani dan Turki.

Menurut Asmah (2007), *lingua franca* merupakan bahasa yang diketahui oleh kebanyakan penutur walaupun hanya pada peringkat yang asas sahaja. Di alam Melayu contohnya, terdapat berbagai-bagai bahasa dan bahasa Melayu pula berperanan sebagai *lingua franca* yang utama. Selain itu, menurut Holmes (2001) pula, *lingua franca* adalah penggunaan sesuatu bahasa untuk berkomunikasi di antara penutur yang bahasa pertama mereka berbeza satu sama lain. Bahasa untuk berkomunikasi biasanya adalah bahasa yang paling banyak dan kerap digunakan dalam kehidupan seharian. Contoh yang diberikan oleh Holmes ialah negara Tanzania. Di Tanzania, bahasa Swahili digunakan sebagai bahasa utama apabila berkomunikasi dengan mereka yang datang dari puak yang lain yang menggunakan bahasa mereka sendiri. Selain di Tanzania, Holmes juga melihat bahasa Tok Pisin sebagai *lingua franca* di Papua New Guinea. Bahasa Tok Pisin telah mengambil alih peranan 700 bahasa vernakular sebagai *lingua franca*.

Beberapa bahasa pernah mendukung peranan sebagai *lingua franca*, yakni satu bahasa yang dipersetujui untuk tujuan komunikasi. Bahasa Latin pernah menjadi bahasa pengantar pendidikan di sebelah barat, di sepanjang Zaman Pertengahan. Bahasa Perancis pernah menjadi bahasa antarabangsa dalam bidang diplomasi pada suatu ketika dahulu, terutama dari abad ke-17 sehingga ke-20. Bahasa Indonesia juga adalah *lingua franca* kerana bahasa Indonesia bukan terdiri daripada bahasa tinggi kecuali bahasa Melayu di Riau (Asmah, 2003, hlm. 51-52; Asmah, 1985, hlm. 91).

Wardhaugh (1998) dan Trudgill (2000) telah menyatakan bahawa *lingua franca* adalah bahasa yang digunakan dalam kalangan penutur yang bukan asli. Sekiranya pendapat ini diperluaskan, *lingua franca* wujud dalam masyarakat yang pelbagai kaum atau majmuk. Dalam masyarakat yang sedemikian, pengguna bahasa itu akan mencari satu bahasa yang sesuai untuk dapat digunakan sebagai bahasa perhubungan antara satu sama lain. Pengertian *lingua franca* oleh Wardhaugh dan Trudgill ini wujud disebabkan oleh keperluan untuk berkomunikasi dalam kalangan para penutur yang berbeza bahasa pertama mereka.

Abdullah (1989) dalam buku beliau yang bertajuk “30 tahun Perancangan Bahasa Malaysia” telah cuba mengaitkan pentingnya *lingua franca* bagi penduduk yang pelbagai kaum di Malaysia. Umumnya, ada tiga kaum utama yang berlainan etnik, budaya dan agama hidup di Malaysia, iaitu: Melayu, Cina dan India. Ini menyebabkan kita membuat pengiktirafan yang penduduk Malaysia menuturkan tiga bahasa utama, satu bagi setiap kaum: Melayu bertutur bahasa Melayu, Cina bertutur bahasa Cina dan India bertutur bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, Abdullah Hassan melihat keadaannya tidaklah demikian, terutamanya antara orang Cina dan India. Walaupun demikian, Malaysia telah berjaya memilih satu bahasa perantara untuk berhubung, iaitu bahasa Melayu yang dituturkan oleh kaum Melayu dan juga kaum lain untuk perhubungan dalam dan antara kaum. Walaupun kaum ini terpisah dari segi kebudayaan, ekonomi, dan geografi, mereka

masih perlu berhubung dan menggunakan bahasa Melayu antara satu sama lain dalam aktiviti harian mereka.

Sifat campuran pada *lingua franca* memberi dimensi lain kepada istilah *lingua franca*. Sifat campuran ini mengungkap pengertian bahasa yang mengandungi unsur daripada beberapa bahasa yang berlainan, di samping mengungkap erti utamanya sebagai sistem komunikasi antara pelbagai kumpulan penutur yang menuturkan bahasa yang berbeza sebagai bahasa seharian. Selain itu, fungsi utamanya adalah untuk membolehkan wujudnya keadaan saling memahami dalam kalangan mereka yang berlainan bahasa. Keperluan saling memahami ini timbul kerana pelbagai fenomena sosial seperti penaklukan, perdagangan, perkahwinan, pengaruh dan penyebaran agama.

Asmah (1985; 1991) telah menumpukan perhatian kepada peranan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di Malaysia. Bahasa Melayu adalah bahasa pilihan untuk menepati taraf bahasa kebangsaan Malaysia disebabkan peranannya yang lama dan juga diakui sebagai *lingua franca* berbagai-bagai kumpulan etnik, baik yang menganggotai rumpun Austronesia ataupun yang menganggotai rumpun bukan Austronesia. Selama beberapa abad penutur bahasa Melayu telah menjadikannya sebagai bahasa pengantar dalam hubungan antara kelompok.

Merujuk kepada peranan *lingua franca* terutamanya dalam satu komuniti yang pelbagai kaum atau etnik dan juga penduduk yang menuturkan bahasa pertama yang berbeza antara satu sama lain adalah sangat penting. Hal ini sangat jelas mempunyai kaitan dengan latar belakang masyarakat di negeri Sarawak. Persoalannya adalah bahasa apakah yang menjadi pilihan penduduk di negeri Sarawak untuk berhubung satu sama lain?

Secara keseluruhannya, *lingua franca* adalah bahasa yang dikongsi bersama oleh semua penutur bahasa dalam sesuatu komuniti, terutamanya dalam hubungan sosial dan kehidupan seharian. Secara umumnya, *lingua franca* adalah satu ragam yang dipilih daripada beberapa ragam dalam sesuatu bahasa, untuk digunakan secara meluas, yakni di luar ragam sempadan bahasa itu sendiri. *Lingua franca* juga adalah bahasa yang penting sebagai satu cara berkomunikasi yang seragam sifatnya bagi mengatasi perbezaan-perbezaan dalam kalangan ahli-ahli komuniti bahasa berkenaan yang berasal dari daerah, keturunan, latar dan lapisan sosial yang berbeza. *Lingua franca* merupakan bahasa yang dipilih dan digunakan untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan dalam sesebuah wilayah yang didiami oleh ahli-ahli yang berasal dari pelbagai daerah, keturunan, dan tingkat sosial yang berlainan, agar dapat memahami satu sama lain tanpa berlaku masalah. *Lingua franca* selalunya dalam bentuk versi tak formal dan yang kurang mematuhi norma serta peraturan yang ditetapkan. Sesungguhnya versi inilah yang lebih berpengaruh dalam kehidupan kita sehari-hari kerana versi inilah yang rata-rata digunakan semua orang semasa berkomunikasi.

Walaupun bahasa Melayu telah dibuktikan sebagai *lingua franca* di kepulauan Melayu, perlu dikaji dan dilihat kedudukannya sebagai *lingua franca* di negeri Sarawak. Begitu juga dengan bahasa Inggeris yang biasa dinyatakan sebagai bahasa global dan juga *lingua franca* di peringkat antarabangsa (Lee Su Kim et al., 2010, hlm. 88). Banyak sebab dan

faktor yang agak bertentangan dengan ciri-ciri yang dimiliki oleh bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di negeri Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Merujuk kepada ciri-ciri *lingua franca*, bahasa Iban juga memenuhi ciri-ciri tersebut, sama seperti bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia.

### **Pilihan Bahasa**

Pilihan bahasa mempunyai peranan yang besar dalam masyarakat dwibahasa atau multibahasa. Sekiranya pilihan bahasa tidak wujud, masyarakat yang hidup bersama itu akan tersekat untuk berinteraksi dan berhubung satu sama lain. Jadi, tanpa pilihan bahasa, individu dalam masyarakat dwibahasa atau multibahasa seolah-olah telah dihalang untuk bergaul, bekerjasama dan merasai pengalaman hidup bersama. Oleh itu, dapat difahami bahawa, konsep pilihan bahasa adalah kombinasi antara komuniti yang dwibahasa atau multibahasa dengan bahasa perhubungan yang sesuai dan lazim digunakan oleh mereka.

Secara lebih terperinci, pilihan bahasa ini telah diperluaskan oleh beberapa sarjana bahasa. Grosjean (1982) telah mengkaji mengenai pilihan bahasa dalam interaksi seseorang dengan seseorang yang menyebabkan perubahan variasi. Contohnya terdapat beberapa cara untuk menyatakan kehendak apabila mereka hendak mendapatkan air minuman, misalnya:

- i. *I want a drink of water*
- ii. *Give me some water*
- iii. *I'm thirsty*
- iv. *Water please*
- v. *Could I have a drink of water*
- vi. *It's really hot in here*
- vii. *Could I please have some drink of water*

Pilihan bahasa dilihat mempunyai peranan yang besar dalam masyarakat dwibahasa atau multibahasa. Sekiranya pilihan bahasa tidak wujud, masyarakat yang hidup bersama itu akan tersekat untuk berinteraksi dan berhubung satu sama lain. Jadi, tanpa pilihan bahasa, individu dalam masyarakat dwibahasa atau multibahasa seolah-olah telah dihalang untuk bergaul, bekerjasama dan merasai pengalaman hidup bersama. Oleh itu, dapat difahami bahawa, pilihan bahasa adalah kombinasi antara komuniti yang dwibahasa atau multibahasa dengan bahasa perhubungan yang sesuai dan lazim digunakan oleh mereka.

Alternatif dan peraturan pilihan bahasa bergantung kepada beberapa faktor yang utama. Setiap pilihan bahasa ditentukan oleh beberapa faktor yang menyebabkan pengguna memilih bahasa yang digunakan sebagai bahasa perhubungan sehari-hari.

Dalam penulisan Saville-Troike (1991) telah menjelaskan topik merupakan faktor penentu yang utama bagi pilihan bahasa dalam konteks masyarakat yang multibahasa. Setiap perbualan atau interaksi akan wujud disebabkan satu atau berbagai topik. Topik biasanya dipilih mengikut peserta yang terlibat dalam interaksi tersebut. Sesuatu interaksi juga akan menjadi lebih mesra dan tidak bermasalah sekiranya topik yang dibicarakan

berkaitan dengan mereka yang menjadi peserta interaksi tersebut. Orang-orang yang dwibahasa biasanya telah mempelajari setengah topik melalui satu bahasa dan topik-topik yang lain melalui bahasa yang satu lagi. Justeru, mereka mungkin hanya mengetahui perbendaharaan kata dalam salah satu bahasa sahaja untuk membincangkan topik, ataupun merasai adalah natural menggunakan satu bahasa yang biasa digunakan untuk topik tertentu.

Selain topik, faktor pilihan bahasa juga bergantung kepada latar (termasuk tempat dan waktu). Pilihan bahasa mengikut tempat seperti di pejabat, rumah dan tempat-tempat awam. Seseorang mungkin memilih bahasa yang formal semasa di pejabat dan memilih dialek atau bahasa ibunda semasa bersama keluarga di rumah.

Faktor seterusnya adalah faktor para peserta dalam interaksi, iaitu berkaitan dengan umur, jantina dan struktur sosial (Saville-Troike, 1991). Pilihan bahasa perlu sesuai dengan umur seseorang sama ada mereka sebaya, lebih tua atau lebih muda. Perkara yang utama untuk membincangkan faktor para peserta adalah pilihan bahasa yang digunakan adalah perlu saling difahami, tidak kasar atau bersopan. Banyak masalah akan timbul sekiranya perkara ini diabaikan oleh seseorang kerana mereka akan dianggap kasar dan tidak menghormati terutamanya dengan mereka yang lebih tua.

Selain faktor umur, faktor jantina juga sangat mempengaruhi pilihan bahasa seseorang. Dalam hal ini, terdapat beberapa perkara yang perlu dielakkan semasa berinteraksi dan tidak sesuai untuk dibicarakan seperti yang berkaitan dengan seks atau lucah, kemaluan dan hal-hal peranakan (tabu) dan hal-hal peribadi (Teo Kok Seong, 1995; 1996). Selain itu, pilihan bahasa juga tidak begitu kasar dan berterus-terang kerana perempuan dikatakan mempunyai sifat yang lebih sensitif, emosional, cepat terasa (marah, malu, sedih) jika dibandingkan dengan lelaki.

Faktor yang terakhir yang dikemukakan oleh Saville-Troike (1991) berkaitan dengan struktur sosial seseorang. Struktur sosial adalah perkara yang berkaitan dengan pangkat, status, pengetahuan, kebolehan, gelaran seseorang dan sebagainya. Sekiranya seseorang itu diketahui mempunyai pangkat dan status yang lebih tinggi dalam pekerjaan dan organisasi, pilihan bahasa perlu sesuai dengan pangkat dan status mereka jika dibandingkan dengan mereka yang sama jawatan atau yang lebih rendah jawatannya. Morris (1998) pernah menulis mengenai hal yang berkaitan dengan faktor struktur sosial dalam pekerjaan di Malaysia. Dapatan pilihan bahasa yang dikemukakan oleh Elaine Morris menunjukkan sekiranya seseorang itu berjawatan tinggi, bahasa Inggeris lebih banyak digunakan dan pada peringkat pegawai biasa, pilihan bahasa yang biasa digunakan adalah bahasa rojak Melayu-Inggeris serta bagi kakitangan bawahan pula hanya menggunakan bahasa Melayu sahaja.

Grosjean (1982) juga telah menegaskan terdapat empat faktor utama yang menyebabkan pilihan bahasa, iaitu;

- i. Lokasi (masa dan tempat) dan situasi seperti semasa bersarapan bersama keluarga, di majlis keramaian, ataupun semasa temu janji.

- ii. Peserta di dalam interaksi iaitu umur, jantina, pekerjaan, status ekonomi, asal, etnik dan hubungan seseorang dengan seseorang seperti pekerja dengan majikan, suami-isteri.
- iii. Topik, iaitu seperti sukan, pekerjaan, kebangsaan dan acara.
- iv. Fungsi interaksi, iaitu sama ada permintaan, penawaran informasi dan interpretasi, rutin seperti bertegur sapa, ucapan terima kasih, meminta maaf dan sebagainya.

Asmah (1982) telah mengkaji mengenai pilihan bahasa di Malaysia dengan merujuk negara ini mempunyai pelbagai bahasa disebabkan terdapatnya masyarakat yang berbilang bangsa. Walau bagaimanapun, Asmah menegaskan tidak semua suku kaum yang terdapat di Malaysia itu adalah multibahasa disebabkan masih belum ada lagi dibuat sebarang kajian yang dapat menentukan bilangan sebenar masyarakat yang satu bahasa, dwibahasa atau multibahasa. Dalam kajian Asmah ini, beliau telah meneliti dan membincangkan pilihan bahasa yang berlaku di Malaysia dari sudut:

1. Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* sejak dari zaman dahulu lagi.
2. Bahasa Melayu juga telah diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.
3. Peranan bahasa Inggeris yang semakin penting sehingga wujudnya penggunaan bahasa yang baru seperti Melayu-Inggeris, Kantonis-Inggeris, Hokkien-Inggeris, Tamil-Inggeris dan sebagainya yang dwibahasa.

### **Kepelbagaian Bahasa di Sarawak**

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia. Selain itu, jumlah bahasa yang digunakan di negeri Sarawak lebih kurang 30 atau 40 bahasa. Bahasa-bahasa ini dituturkan di seluruh negeri Sarawak (Asmah, 2004a, hlm. 32-37; Asmah, 2004b; Collins, 2004, hlm. 32-33). Bahasa-bahasa ini seperti bahasa Melayu, bahasa-bahasa tempatan dan bahasa Cina.

Bahasa suku kaum yang terbesar di negeri Sarawak dikenali sebagai Malayik (*Malayic*), yang terdiri daripada bahasa Iban. Bahasa Iban merupakan satu bahasa yang paling dominan dengan kumpulan etnolinguistik yang merangkumi setengah juta penutur. Bahasa Iban digolongkan sebagai Malayik sama seperti bahasa Melayu dan bahasa Selakau. Kumpulan yang lain adalah Bidayuh, Melanau, Kajang dan lain-lain. Di bahagian utara negeri Sarawak pula terdapat bahasa Kayan, Kelabit, Kenyah, Penan, Mirik dan Bintulu (Asmah 2004a; 2004b; 2004c; 2004d).

Selain daripada bahasa-bahasa tempatan atau asli di negeri Sarawak, terdapat juga bahasa lain yang bukan tergolong dalam kumpulan ini, iaitu bahasa Cina. Bahasa Cina di Sarawak sama seperti bahasa Cina di Semenanjung Malaysia, iaitu Hokchiu (Foochow), Khek (Hakka), Kantonis dan Hokkien. Penutur Hokchiu (Foochow) dan Khek (Hakka) adalah yang paling ramai jika dibandingkan dengan Kantonis atau Hokkien. Mengenai masyarakat India di negeri Sarawak pula, mereka adalah kaum yang sangat kecil dan minoriti. Bahasa Inggeris juga penting di negeri Sarawak sebagai bahasa kedua dalam

Dasar Pelajaran Kebangsaan. Oleh itu, bahasa Inggeris berfungsi sebagai bahasa kedua dan digunakan oleh golongan eksekutif dan profesional (Asmah 2004a, hlm.31; 2004d).

Dari segi jumlah penutur bahasa-bahasa yang terdapat di negeri Sarawak pula, bahasa Iban mempunyai penutur yang paling ramai, diikuti oleh bahasa Cina dan Melayu (Perincian perkara ini ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah).

Jadual 1: Bilangan penutur bahasa pertama mengikut kaum di Sarawak  
(Sumber: Asmah, 2004a, hlm. 31)

Bahasa dan Kumpulan Bahasa	Penutur Sebagai bahasa Pertama
Iban	586,548
Melayu	472,173
Bidayuh	161,873
Melanau	109,882
Cina	512,426
Bahasa di bahagian Utara	87,472
Lain-lain	18,634
Jumlah	1,949,008

Penentuan pilihan bahasa yang utama oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di negeri Sarawak sangat sesuai untuk menentukan *lingua franca* antara mereka. Sememangnya terdapat juga bentuk-bentuk bahasa lain yang digunakan oleh suku kaum yang berbilang di negeri Sarawak untuk berkomunikasi satu sama lain dalam situasi formal dan tidak formal dan pastinya bukannya bahasa Melayu, seperti di Semenanjung Malaysia. Walaupun bahasa Iban mempunyai bilangan penutur yang paling ramai jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain di negeri Sarawak, perlu ditinjau juga penggunaan bahasa Iban oleh penutur lain di negeri Sarawak. Begitu juga dengan penggunaan dan pilihan dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina dan Melanau. Pilihan bahasa yang digunakan sama ada oleh penutur pertama dan juga suku kaum yang lain sebagai bahasa perhubungan utama berperanan sebagai *lingua franca*.

Selain daripada faktor dominannya masyarakat Iban, sebahagian besar penduduk di negeri Sarawak juga mengetahui tiga atau empat bahasa peribumi yang lain, termasuk bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Asmah, 2004a, hlm. 34-37). Ramai penduduk Sarawak mengetahui bahasa masyarakat peribumi yang lain seperti mereka mengetahui dan memahami bahasa pertama mereka. Sememangnya terdapat beberapa faktor telah

menyebabkan masyarakat di negeri Sarawak mengetahui pelbagai bahasa. Faktor yang utama disebabkan oleh hubungan antara suku kaum yang pelbagai ini sangat rapat dengan amalan hidup dan budaya yang hampir sama (Asmah, 2004a, hlm. 31; Asmah 2004d). Selain itu, faktor sistem pengangkutan dan perhubungan yang semakin berkesan dan maju di samping sistem pendidikan (sekolah) di negeri Sarawak yang semakin baik telah memberi mereka ruang untuk dapat berhubung dengan lebih kerap, erat dan mesra. Hasil dari percampuran ini akan dapat membentuk *lingua franca*.

Walaupun bahasa Iban dilihat dominan dipilih dan digunakan di negeri Sarawak disebabkan oleh beberapa faktor yang dijelaskan di atas, namun *lingua franca* yang sebenarnya perlu merujuk dan dibuktikan melalui dapatan pilihan bahasa suku kaum yang pelbagai di negeri Sarawak. Pilihan bahasa sebagai *lingua franca* perlu dilihat daripada empat bahasa yang utama, iaitu bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina dan bahasa Melanau.

### **Teori Pilihan Bahasa**

Pada dasarnya, teori pilihan bahasa dipilih untuk diterapkan dalam kajian ini kerana teori ini dapat mengemukakan konsep asas dan formula untuk menganalisis sesuatu bahasa yang dipilih sebagai bahasa perhubungan utama atau *lingua franca*. Pilihan bahasa yang wujud dapat menunjukkan realiti bahasa yang digunakan mengikut kesesuaian komunikasi sehari-hari yang telah yang diamalkan oleh masyarakat seperti di Sarawak.

Pemilihan teori dibuat berdasarkan teori pilihan bahasa yang dipelopori oleh Fishman (1991). Dalam teori pilihan bahasa ini, Fishman menekankan hakikat bahawa konsep masyarakat bertutur melibatkan satu bahasa yang sama. Selain itu, setiap masyarakat bahasa yang agak kompleks akan menunjukkan beberapa ragam bahasa. Setiap bahasa yang dipilih juga mempunyai fungsi yang berbeza-beza antara satu sama lain seperti fungsi yang mewakili pekerjaan, pengkhususan, minat, dan kelas sosial (ekonomi, pendidikan, bangsa) yang berlainan di kalangan penduduk kawasan yang sama.

Menurut Fishman (1991) juga, “masyarakat bahasa perlu mempunyai pilihan bahasa yang ditentukan oleh faktor-faktor tertentu”. Pilihan bahasa juga wujud apabila pelbagai ragam bahasa dalam repertoire komunikasi sesuatu komuniti di samping adanya subset ragam dalam subkumpulannya serta pada orang perseorangan, para penutur mestilah memilih kod dan strategi interaksi yang hendak digunakan dalam konteks tertentu. Penutur dalam sesuatu komuniti perlu mengetahui alternatif dan peraturan pilihan bahasa semasa bertutur untuk membuat pilihan yang sesuai dan perkara ini merupakan sebahagian daripada kecekapan komunikasi. Memperhitungkan peraturan atau sistem bagi membuat ketepatan sedemikian adalah sebahagian daripada tanggungjawab dalam menghuraikan komunikasi dalam mana-mana kumpulan dan juga dalam menghuraikan pilihan bahasa secara umumnya. Sekali gus, ini menunjukkan bahawa kaedah dan teori pilihan bahasa hanya berfungsi dalam masyarakat bahasa. Berdasarkan pandangan Fishman di atas juga, pilihan bahasa adalah realiti bahasa mengikut kesesuaian berkomunikasi dalam masyarakat tertentu. Gambaran ini akan memberi banyak peluang kepada proses komunikasi dan juga kelancaran komunikasi tersebut.

Secara keseluruhannya, setiap bahasa adalah berkaitan dengan suatu sistem komunikasi dalam masyarakat. Sistem ini akan dikongsi oleh semua ahli masyarakat dan menjadi milik masyarakat berkenaan.

### **Domain Pilihan Bahasa**

Terdapat enam domain pilihan bahasa digunakan untuk menentukan *lingua franca* di Sarawak. Setiap domain merupakan pilihan bahasa yang telah dipilih oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Domain-domain tersebut adalah;

1. Keluarga
2. Persahabatan
3. Kedai dan Pasar
4. Bank
5. Hospital dan Klinik
6. Sukan dan Riadhah

Domain ialah situasi yang terbentuk daripada beberapa gagasan seperti tempat, peserta dan topik (Nor Hisham, 1995, hlm. 16). Fishman (1972, hlm. 55) menakrifkan domain sebagai:

Satu binaan sosiobudaya yang dipetik dari topik-topik komunikasi, perhubungan antara para peserta komunikasi, dan tempat berlakunya komunikasi adalah sejajar dengan institusi sesuatu masyarakat serta medan aktiviti sesuatu komunikasi.

Domain diperolehi daripada situasi dan tingkah laku penutur dalam masyarakat yang setiap satu mempunyai kaitan dan berkait satu sama lain. Apabila kita meninjau tentang domain, maka tentulah maksudnya berkaitan dengan aktiviti komunikasi masyarakat yang dwibahasa atau multibahasa. Domain-domain adalah sama seperti institusi-institusi sosial yang terdapat dalam masyarakat bahasa secara menyeluruh. Menurut Fishman lagi, terdapat beberapa faktor yang dapat menentukan domain. Faktor utama adalah bidang umum subjek yang dibicarakan (misalnya agama, keluarga, pekerjaan), hubungan peranan antara para peserta (misalnya paderi-anak mukimnya, ibu-anak perempuan, ketua-setiausaha) dan latar kepada interaksi itu (misalnya rumah ibadat, rumah, pejabat).

Domain-domain pilihan bahasa dalam kajian ini telah disesuaikan daripada Fishman. Penentuan enam domain pilihan bahasa ini adalah berdasarkan kesesuaian kajian yang dijalankan, iaitu untuk menentukan bahasa perhubungan seharian di Sarawak. Selain itu, domain-domain ini juga dibentuk agar dapat menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa responden. Di samping itu, pemilihan domain-domain ini juga akan dapat menunjukkan adakah pilihan bahasa itu dipengaruhi oleh situasi, sama ada situasi tidak formal dan juga situasi formal. Selain itu, melalui enam domain ini akan dapat menunjukkan pola pilihan bahasa antara suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak.

### Hasil Analisis Pilihan Bahasa di Negeri Sarawak

Maklumat pilihan bahasa di Sarawak ini ditentukan melalui 400 orang responden yang terdiri dari suku kaum, iaitu Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarawak. Mereka telah menjawab satu borang soal selidik pilihan bahasa mengikut domain. Secara keseluruhannya, seramai 400 orang responden telah menunjukkan pilihan bahasa mereka mengikut domain dan dianalisis (Bilangan responden ini telah disesuaikan daripada Chua Yan Piaw, 2006). Kawasan kajian yang dipilih adalah bandar Sarikei yang terletak dalam Bahagian Sarikei (Bahagian Keenam). Setiap suku kaum ini telah tinggal bersama, mendapat pendidikan di sekolah (rendah dan menengah), bekerja dan menjalankan aktiviti dan urusan harian yang sama sejak dari wujudnya Sarikei di Sarawak.

Penentuan *lingua franca* adalah berdasarkan kepada analisis yang akan dipaparkan dalam Jadual 2-Jadual 8.

Petunjuk untuk jadual:

Simbol	Maksud
+	Bahasa Rojak
%	Peratusan
-	Dan

Jadual 2: Pilihan bahasa domain keluarga

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Keluarga	Bil	389	516	100	71	370	154	<b>1600</b>
	%	24	32	6	4	23	11	<b>100</b>

Pilihan bahasa domain keluarga menunjukkan bahasa Iban telah dipilih sebagai bahasa yang utama jika dibandingkan dengan dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu+Iban dan bahasa rojak Melayu+Melanau. Dialek Melayu Sarawak dipilih sebagai bahasa yang kedua utama di samping bahasa rojak Melayu+Iban. Pilihan bahasa yang terendah domain keluarga pula adalah bahasa Cina dan bahasa Melanau.

Jadual 3: Pilihan bahasa domain persahabatan

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Persaha Batan	Bil	402	549	100	59	371	119	<b>1600</b>
	%	25	34	6	4	23	8	<b>100</b>

Pilihan bahasa domain persahabatan menunjukkan bahasa Iban telah dipilih sebagai bahasa yang utama. Dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu+Iban pula dipilih sebagai bahasa yang kedua dan hampir sama jumlahnya dengan bahasa rojak Melayu+Iban. Pilihan bahasa yang paling rendah domain persahabatan ialah bahasa Cina dan Melanau.

Jadual 4: Pilihan bahasa domain kedai dan pasar

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Kedai dan Pasar	Bil	405	567	100	24	383	121	<b>1600</b>
	%	25	35	6	2	24	8	<b>100</b>

Bahasa Iban merupakan pilihan bahasa yang utama domain kedai dan pasar di negeri Sarawak. Hasil analisis domain kedai dan pasar ini juga menunjukkan pilihan bahasa kedua dan ketiga utama adalah hampir sama antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu+Iban. Walau bagaimanapun, pilihan bahasa Cina dan Melanau merupakan pilihan yang paling rendah antara bahasa-bahasa yang digunakan di Sarawak.

Jadual 5: Pilihan bahasa domain sukan dan riadhah

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Sukan dan Riadhah	Bil	405	482	100	25	446	142	<b>1600</b>
	%	25	30	6	2	28	9	<b>100</b>

Hasil analisis pilihan bahasa domain sukan dan riadhah empat suku kaum yang utama di Sarawak menunjukkan bahasa Iban mempunyai pilihan yang tertinggi. Pilihan bahasa yang kedua adalah bahasa rojak Melayu+Iban. Dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang dipilih sebagai pilihan ketiga. Pilihan bahasa yang paling rendah antara bahasa seharian ialah bahasa Melanau.

Jadual 6: Pilihan bahasa domain di bank

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Bank	Bil	660	425	39	-	378	98	<b>1600</b>
	%	41	27	2	-	24	6	<b>100</b>

Jadual 6 menunjukkan pilihan bahasa yang utama domain di bank adalah dialek Melayu Sarawak. Bahasa Iban telah dipilih sebagai pilihan kedua dan bahasa rojak Melayu+Iban sebagai pilihan ketiga. Bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu+Melanau dilihat sebagai pilihan yang paling rendah dan bahasa Melanau pula tidak digunakan langsung semasa oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di bank.

Jadual 7: Pilihan bahasa domain hospital dan klinik

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Hospital dan Klinik	Bil	581	465	40	-	393	121	<b>1600</b>
	%	36	29	3	-	25	7	<b>100</b>

Pilihan bahasa domain hospital dan klinik pula menunjukkan pilihan yang utama ialah dialek Melayu Sarawak dan diikuti bahasa Iban sebagai pilihan kedua utama. Dalam domain hospital dan klinik juga menunjukkan bahasa rojak Melayu+Iban sebagai pilihan ketiga. Walaupun bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu+Melanau ada digunakan dalam domain di bank, tetapi bahasa Cina dan bahasa rojak Melayu+Melanau hanya dipilih dalam jumlah yang kecil sahaja. Bahasa Melanau tidak dipilih langsung dalam domain hospital dan klinik.

Secara keseluruhannya, maklumat pilihan bahasa mengikut enam domain dirumuskan dalam Jadual 8. Jadual ini menunjukkan secara jelas pilihan bahasa mengikut keutamaan sama ada sebagai pilihan utama (pilihan yang paling tinggi), pilihan kedua, ketiga dan seterusnya.

Jadual 8: Rumusan pilihan bahasa yang dipilih mengikut domain

Domain	Keluarga	Persahabatan	Kedai dan Pasar	Bank	Hospital dan Klinik	Sukan dan Riadhah
<b>Pilihan Utama (%)</b>	Bahasa Iban 32%	Bahasa Iban 34%	Bahasa Iban 35%	Melayu Sarawak 41%	Melayu Sarawak 36%	Bahasa Iban 30%
<b>Pilihan Kedua (%)</b>	Melayu Sarawak 24%	Melayu Sarawak 25%	Melayu Sarawak 25%	Bahasa Iban 27%	Bahasa Iban 29%	Melayu+Iban 28%
<b>Pilihan Ketiga (%)</b>	Melayu+Iban 23%	Melayu+Iban 23%	Melayu+Iban 24%	Melayu+Iban 24%	Melayu+Iban 25%	Melayu Sarawak 25%
<b>Pilihan Keempat (%)</b>	Melayu+Melanau 11%	Melayu+Melanau 8%	Melayu+Melanau 8%	Melayu+Melanau 6%	Melayu+Melanau 7%	Melayu+Melanau 9%

<b>Pilihan Kelima (%)</b>	Bahasa Cina 6%	Bahasa Cina 6%	Bahasa Cina 6%	Bahasa Cina 2%	Bahasa Cina 3%	Bahasa Cina 6%
<b>Pilihan Keenam (%)</b>	Bahasa Melanau 4%	Bahasa Melanau 4%	Bahasa Melanau 2%	-	-	Bahasa Melanau 2%
<b>%</b>	100	100	100	100	100	100

### Perbincangan Pilihan Bahasa

Secara umumnya, hasil analisis pilihan bahasa ini telah dapat mengenal pasti bahawa di negeri Sarawak terdapat enam pola pilihan bahasa yang digunakan oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Pola pilihan bahasa tersebut ialah pola bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu+Iban dan bahasa rojak Melayu+Melanau. Pola pilihan bahasa yang utama adalah pola pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. Pilihan bahasa Iban sangat utama dalam domain keluarga, persahabatan, kedai dan pasar serta sukan dan riadhah. Pilihan dialek Melayu Sarawak pula utama dalam domain di bank serta hospital dan klinik. Pola pilihan bahasa Iban dipilih dalam situasi tidak formal sementara pola dialek Melayu Sarawak pula dalam situasi formal.

Walaupun dialek Melayu Sarawak adalah pilihan bahasa yang kedua dalam domain keluarga, persahabatan serta kedai dan pasar, jumlah pilihan dialek Melayu Sarawak tidak begitu berbeza dengan jumlah pilihan bahasa rojak Melayu+Iban. Kedua-dua pilihan bahasa ini dilihat hampir sama antara satu sama lain. Oleh yang demikian, dalam domain sukan dan riadhah, jumlah pilihan bahasa rojak Melayu+Iban melebihi pilihan bahasa dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan yang kedua.

Pilihan bahasa Cina dan bahasa Melanau sangat kurang dipilih jika dibandingkan dengan bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak, bahasa rojak Melayu+Iban dan bahasa rojak Melayu+Melanau. Dalam domain di bank serta hospital dan klinik, bahasa Melanau tidak dipilih dan digunakan langsung.

Oleh itu, untuk berinteraksi dengan jaya dalam masyarakat majmuk di Sarawak, seseorang itu perlu mengetahui, memahami dan menguasai bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak.

## Lingua Franca di Sarawak

Hasil analisis pilihan bahasa ini telah menunjukkan bahasa apakah yang digunakan secara meluas dan utama sebagai bahasa perhubungan sehari-hari suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarawak. Suku kaum Melayu cenderung untuk memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan yang utama dan bahasa Iban sebagai pilihan yang kedua. Kecenderungan suku kaum Iban pula menunjukkan hampir keseluruhannya pilihan bahasa Iban adalah pilihan yang utama apabila berkomunikasi sesama Iban dan juga suku kaum Melayu dan Cina. Di samping itu, terdapat juga kecenderungan suku kaum Iban memilih dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu+Iban.

Suku kaum Cina di Sarawak pula mempunyai kecenderungan untuk menggunakan pilihan bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu+Iban. Kedua-dua pilihan bahasa ini digunakan oleh suku kaum Cina apabila berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Iban dan Melanau. Berbeza pula dengan kecenderungan pilihan bahasa suku kaum Melanau di Sarawak. Suku kaum Melanau lebih cenderung untuk memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan sehari-hari, sama ada berinteraksi dengan sesama Melanau atau dengan suku kaum yang lain.

Bersumberkan data tersebut, hubungan antara pilihan bahasa dengan *lingua franca* suku kaum yang terdapat di Sarawak dapat diserlahkan, iaitu bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak adalah sama-sama berfungsi sebagai *lingua franca*. Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak adalah bahasa dan dialek yang sangat berpengaruh dalam kehidupan seharian di Sarawak. Rata-rata suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau telah memilih dan menggunakan bahasa tersebut dalam setiap urusan mereka sama ada di rumah dan di tempat awam. Dengan itu, bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak adalah *lingua franca* yang dikongsi bersama oleh semua penutur bahasa di Sarawak.

Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang mempunyai peranan sebagai bahasa yang dapat menyatupadukan pelbagai suku kaum untuk dapat bergaul dan hidup bersama tanpa mempunyai masalah, terutamanya masalah berkomunikasi. Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak juga merupakan bahasa komunikasi antara pelbagai kumpulan penutur yang menuturkan bahasa ibunda yang berlainan sebagai bahasa perhubungan utama. Walaupun terdapat juga pola pilihan bahasa yang lain, seperti bahasa Cina, Melanau, bahasa rojak Melayu+Iban dan bahasa rojak Melayu+Melanau, namun bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak lebih diberi perhatian dan dipilih sebagai bahasa yang utama. Kedua-dua bahasa ini sangat berpengaruh di dalam kehidupan sehari-hari kerana telah difahami dan diketahui oleh semua penduduk Sarawak.

Sejauh yang dapat dikesan juga, apa-apa bahasa-bahasa yang digunakan di negeri Sarawak, secara keseluruhannya sangat dipengaruhi oleh bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. Bilangan suku kaum Iban yang ramai menguasai masyarakat lain dalam menggunakan bahasa. Bahasa yang mempunyai penutur yang paling ramai jika dibandingkan dengan jumlah penutur bahasa yang lain akan menjadi satu bahasa yang menonjol dan digunakan di mana-mana sahaja. Selain bahasa Iban sebagai bahasa

perhubungan utama, bahasa Iban merupakan bahasa kedua atau ketiga kepada suku kaum Melayu, Cina dan Melanau di negeri Sarawak (Asmah, 2004b, hlm. 31).

Berdasarkan kajian lepas oleh sarjana bahasa, dengan dominannya bilangan suku kaum Iban di negeri Sarawak, bahasa Iban telah mempengaruhi status dan kedudukan bahasa-bahasa yang lain, termasuk juga bahasa Melayu sebagai *lingua franca*. Bahasa-bahasa yang lain terutamanya bahasa Melayu atau dialek Melayu Sarawak hanya dilihat sebagai bahasa tempatan dalam wilayah terbatas dan terhad sifatnya, iaitu di lembangan sungai Sarawak dan sekitarnya, tetapi bahasa Iban lebih meluas ke seluruh negeri, terutamanya di lembangan sungai Rejang.

Bahasa Iban telah mengambil alih fungsi dan peranan bahasa-bahasa yang lain sebagai bahasa komunikasi atau bahasa perhubungan antara penutur-penutur yang pelbagai suku kaum. Dapat dibuktikan di lembangan sungai Rejang, bahasa Iban adalah satu bahasa perhubungan yang utama (Asmah, 2004b, hlm. 31; Collins, 2004, hlm. 32-33).

Pilihan bahasa yang digunakan di Sarawak juga mempunyai kaitan dengan faktor sejarah. Sejarah negeri Sarawak dapat dirujuk pada zaman sebelum dan selepas kedatangan Inggeris yang dilihat sangat mempengaruhi pilihan bahasa setiap suku kaum di Sarawak. Pelbagai kesan lain juga telah wujud hasil daripada peristiwa sejarah ini terutamanya kepada kehidupan, politik, ekonomi, sosial, budaya dan sebagainya. Di negeri Sarawak, sejarah telah banyak memberi kesan kepada hubungan dan perpaduan antara suku kaum sejak dari zaman dahulu sehingga sekarang.

Dengan merujuk kepada sejarah antara suku kaum Iban dan Melayu di Sarawak, hubungan yang terjalin antara suku kaum Melayu dengan Iban di persekitaran pantai barat Sarawak disebabkan oleh perdagangan. Sistem perdagangan ini lebih dikenali sebagai sistem "*barter*". Suku kaum ini akan membuat pertukaran ikan masin hasilan suku kaum Melayu dengan beras hasilan suku kaum Iban. Melalui sistem perdagangan yang telah diamalkan antara suku kaum Melayu dengan Iban ini, hubungan antara suku kaum Melayu dengan suku kaum Iban menjadi baik dan seterusnya mereka juga dapat dan sering bekerjasama dalam apa juga masalah yang dihadapi di samping mendapatkan barangan keperluan. Menurut Pringle (1970), adalah tidak menghairankan sekiranya orang Iban juga telah berkongsi apa sahaja harta yang diperolehi sewaktu mereka melakukan rompakkan bersama-sama dengan orang Melayu. Berdasarkan fakta sejarah ini, ternyata suku kaum Melayu dan Iban sangat bersetuju bekerjasama untuk mencari keuntungan jika dibandingkan dengan suku kaum yang lain.

Kesan daripada faktor sejarah telah memperlihatkan satu kerjasama dan hubungan yang baik melalui perdagangan sejak dari zaman dahulu antara suku kaum Melayu dengan suku kaum Iban, telah memberi kesan yang mendalam kepada bahasa-bahasa yang dipilih dan digunakan oleh mereka dalam kehidupan harian. Masih wujud dan dapat dilihat pada masa sekarang, hubungan yang baik antara suku kaum Melayu dengan Iban kerana antara mereka masih mengamalkan kerjasama dalam apa juga urusan. Suku kaum Melayu di Sarikei masih membeli barangan keperluan daripada orang Iban seperti sayur-sayuran,

buah-buahan, kraftangan dan sebagainya. Secara tidak langsung, peristiwa sejarah yang melibatkan suku kaum Melayu dan Iban ini juga telah mempengaruhi bahasa yang digunakan sehari-hari sehingga sekarang.

## Kesimpulan

Dapatan pilihan bahasa suku kaum di Sarawak telah dapat memberi gambaran tentang bahasa perantara atau bahasa perhubungan yang utama sama ada dengan sesama suku kaum atau suku kaum yang lain. Jika dilihat rumusan data ini, terdapat dua pilihan bahasa yang utama di Sarawak, iaitu bahasa Iban dan juga dialek Melayu Sarawak. Bahasa Iban digunakan semasa situasi tidak formal sementara dialek Melayu Sarawak pula semasa situasi formal. Oleh yang demikian, di Sarawak terdapat dua *lingua franca* yang sangat terpengaruh dalam kehidupan harian penduduknya.

Di negeri Sarawak, semua suku kaum dapat hidup dengan aman dan sejahtera antara satu sama lain. Hubungan antara kaum yang sejahtera ini telah dipupuk oleh semangat kekitaan yang baik, hubungan antara kaum yang sentiasa erat dan bekerjasama dan yang utama sekali apabila pilihan bahasa yang sama telah dapat digunakan dalam kehidupan sehari-hari, iaitu bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak tanpa mempunyai masalah.

Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak adalah bahasa teras kepada perhubungan, perantaraan dan *lingua franca* kepada semua suku kaum di negeri Sarawak. Di samping itu, pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak sebagai *lingua franca* telah dapat menyemarakkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di negeri Sarawak.

## Rujukan

- Abdullah Hassan. (1989). *30 tahun perancangan bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akmajian, A., Demers, R. A. Farmer, A. K. & Harnish, R. M. (1995). *Linguistik: Pengantar bahasa dan komunikasi*. (terj.). Aishah Mahdi & Azizah Hussein. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1982). *Language and society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2003). *Language and language situation in Southeast Asia: With a focus on Malaysia*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Asmah Haji Omar. (2004a). *The encyclopedia of Malaysia Volume 9*. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Asmah Haji Omar. (2004b). Northern Sarawak languages. In *The encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp. 36-37). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Asmah Haji Omar. (2004c). Languages of Sarawak. In *The encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp. 30-31). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Asmah Haji Omar. (2004d). Bidayuh, Melanau and Kajang sub-families. In *The encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp. 34-35). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Asmah Haji Omar. (2007). Teori linguistik dan aplikasinya dalam memartabatkan kajian dialek Melayu. *Kertas Kerja Seminar Dialektologi Melayu (SEDIA)*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 27 Disember 2007.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan (Buku 1)*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Collins, J. T. (2004). Malayic languages of Sarawak. In *The encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp. 32-33). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Dewa Putu Wijana & Muhammad Rohmadi. (2006). *Sosiolinguistik: kajian teori dan analisis*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Fishman, J.A. (1991). *Sosiologi bahasa*. (terj.). Alias Mohammad Yatim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Grosjean, F. (1982). *Life with two languages. An introduction to bilingualism*. Harvard: United States of America.
- Hassan Ahmad. (2009). Lidah terputus, bahasa dan bangsa pupus. *Dewan Bahasa*, 9(4), 6-10.
- Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics* (2nd ed.). Malaysia: Longman.
- Najib Tun Razak. (2009). 1 Malaysia. (Atas talian) Muat turun 3 Julai 2009 dari <http://www.1malaysia.com.my>

Lee Su Kim, Lee King Siong, Wong Fook Fei & Azizah Ya'akob. (2010). The English language and its impact on identities of multilingual Malaysian undergraduates. *Gema Online Journal of Language Studies*, 10(1), 87-101.

Muhammad Haji Awang Haji Jambol. (2001). Bahasa Melayu Brunei: Sebagai lingua franca dan sumbangannya. Dlm. *Bahasa Jiwa Bangsa Jilid 3* (hlm. 1-13). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Morris. E. (1998). Language choice in a Malaysian car-assembly plant. *International Journal of the Sociology of Language*, 130(1), 89-105.

Nor Hisham Osman. (1995). *Kajian pemilihan bahasa di kawasan Ulu Dedap Seberang Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pringle, R. M. (1970). The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah Rule. *Journal of Southeast Asian Studies*, 1, 112-115.

Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi komunikasi satu pengenalan*. (terj.). Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Teo Kok Seong. (1995). Tahu bahasa/tak tahu bahasa : persoalan bahasa, budaya dan komunikasi. Dlm. Hanapi Dollah & Lokman Mohd. Zen (pnyt.). *Kebudayaan Melayu di ambang abad baru: Satu himpunan makalah* (hlm. 273-288). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Teo Kok Seong. (1996). Tabu bahasa: Kedudukannya dalam masyarakat. *Pelita Bahasa*. 40(3): 42-44.

Trudgill, P. (2000). *Sociolinguistics. An introduction to language and society*. England: Penguin Books.

Wardhaugh, R. (1998). *An introduction To Sociolinguistics*. (3rd ed.). Massachusetts: Blackwell Publishers Ltd.

## Penulis

Mohammed Azlan Mis bertugas sebagai pensyarah linguistik di Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik UKM sejak 1998. Beliau mengkhusus dalam bidang sosiolinguistik dan dialektologi. Penyelidikan terkini beliau banyak tertumpu kepada bahasa-bahasa yang terdapat di negeri Sarawak terutama terhadap bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak.